



## International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam (IRJSMI)

Journal Website: <http://irjsmi.com/>  
eISSN: 2682-8553



# KAEDAH PENGAJARAN SOLAT PROGRAM BIMBINGAN MUALLAF DI PUSAT BIMBINGAN DAN LATIHAN SAUDARA BARU (PUSBA)

*THE METHOD OF TEACHING PRAYERS FOR THE GUIDANCE OF MUALLAF  
(NEWLY RIVERTED MUSLIMS) AT CENTER FOR ISLAMIC GUIDANCE ABDUL  
HALIM OF KEDAH (PUSBA)*

Syahrul Faizaz Abdullah<sup>1</sup>, Afifah Abu Yazid<sup>2</sup>, Syahrina Abdullah<sup>3</sup>, Armanurah Mohamad<sup>4</sup>, Noor Asma Jamaluddin<sup>5</sup>, Saudah Ahmad<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: faizaz@uum.edu.my

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: afifah865@uum.edu.my

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: syahrina@uum.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, UUM COB Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: armanurah@uum.edu.my

<sup>5</sup> Pusat Pengajian Tunku Puteri Intan Syafinaz, UUM COB Universiti Utara Malaysia  
Email: noorasma@uum.edu.my

<sup>6</sup> Pusat Pengajian Tunku Puteri Intan Syafinaz, UUM COB Universiti Utara Malaysia  
Email: saudah@uum.edu.my

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 30.01.2019

Revised date: 02.02.2020

Accepted date: 04.02.2020

Published date: 13.03.2020

#### To cite this document:

Abdullah, S. F., Yazid, A. A.,  
Abdullah, S., Mohamad, A.,  
Jamaluddin, N. A., & Ahmad, S.  
(2020). Kaedah Pengajaran Solat  
Program Bimbingan Muallaf di Pusat  
Bimbingan dan Latihan Saudara Baru  
(PUSBA). International Research of

### Abstrak:

Di Negeri Kedah Darul Aman, usaha membimbing muallaf dilaksanakan secara rasminya oleh Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA) yang berada di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Kedah. PUSBA telah menyediakan kelas bimbingan tentang asas fardhu ain sebagai usaha untuk memastikan mereka dapat mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dan terus kekal dalam Islam. Walau bagaimanapun, timbul persoalan adakah bimbingan yang dilaksanakan ini dapat membantu menambahkan pengetahuan dan penghayatan muallaf tentang asas-asas agama Islam? Oleh itu, kertas kerja ini akan menganalisis salah satu daripada aspek tersebut iaitu dari segi kaedah bimbingan solat. Kajian ini menggunakan Model Penilaian CIPP (*Context, Input, Process, Product*) yang memfokuskan kepada penilaian proses iaitu penerokaan pelaksanaan pengajaran solat dalam kalangan muallaf di PUSBA. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan teknik pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual bersemuka. Hasil analisis mendapat terdapat dua bentuk program bimbingan,

Shariah, Muamalat and Islam, 2 (3),  
32-40.

**DOI:** 10.35631/IRJSMI.23003.

iaitu secara bulanan yang dilaksana selama empat bulan di PUSBA, dan satu lagi berbentuk mingguan yang dibuka kepada muallaf yang tidak dapat mengikuti program bulanan. Kaedah pengajaran bimbingan solat pula dilaksanakan dalam bentuk kuliah, demonstrasi, amali, soal-jawab dan kaedah mengikut tahap dan kemampuan pelatih. Kajian ini mencadangkan agar kajian yang lebih mendalam dijalankan terhadap proses pengajaran untuk lebih memahami proses pengajaran yang dilaksanakan. Justeru itu, input tambahan yang diperoleh daripada boleh memantapkan lagi proses pengajaran di PUSBA.

**Kata Kunci:**

Fardhu Ain, Model Cipp, Muallaf, Kaedah Pengajaran Solat

**Abstract:**

In the State of Kedah Darul Aman, efforts to guide the muallaf are formally carried out by the Center for Islamic Guidance Abdul Halim of Kedah (PUSBA) under the administration of the Kedah State Islamic Religious Council. PUSBA conducts guidance classes on the basic principles of Islam in an effort to ensure that they can remain in Islam by practicing its true teachings. A question arises on whether this guidance also helps in increasing their knowledge and in appreciation of the Islamic principles. This paper will analyse one of these principles, in terms of prayer guidance. The study uses the Context, Input, Process, Product Evaluation Model (CIPP) which focuses on process evaluation, through the exploration of the practice of prayer teaching among members of the PUSBA community. This study is qualitative and employs face-to-face interview techniques in data collection. The results showed that there are two forms of guidance programs, the monthly program for four months conducted at PUSBA, and another open weekly program for muallaf who could not attend the monthly program. The teaching method of prayer guidance is carried out in the form of lectures, demonstrations, exercises, questionnaires and techniques concurring with the level and ability of the trainees. This study proposes that a more in-depth study of this teaching process be conducted to better understand the teaching process, whose additional inputs gained will further enhance the teaching process at PUSBA.

**Keywords:**

Fardhu Ain, Cipp Model, Muallaf, Teaching Method, Prayer

## Pengenalan

Selepas memeluk Islam, muallaf amat memerlukan bimbingan kerohanian untuk memastikan dirinya mempunyai hubungan yang erat dengan penciptanya dalam keadaan menyerah diri, tunduk dan patuh. Hubungan ini bina melalui iktikad dari segi kepercayaan (akidah) tentang keesaan Allah SWT, pengamalan ibadah-ibadah ritual dan tingkah laku Islam (akhlik) sebagaimana yang digariskan dalam Islam. Oleh itu, bimbingan yang merangkumi pengajian ilmu fardhu ain berkaitan akidah, fekah, akhlak sangat penting untuk mengukuhkan kefahaman muallaf tentang ajaran Islam. Ilmu asas fardhu ain bermaksud proses melatih diri dari aspek rohani, jasmani dan akal berdasarkan nilai-nilai yang terdapat dalam al-Quran dan Sunnah (Abdul Halim El Muhammady, 1984). Ilmu Fardhu Ain sangat dituntut ke atas setiap Muslim untuk mengetahui dan mempelajarinya bagi melaksanakan tuntutan agama (Ibn Khaldun, 2000) dan pembentukan diri muallaf setelah memeluk Islam (Siti Fathimatul Zahrah dan A'athiroh Masyaa'il Tan, 2015). Justeru kajian ini dilaksanakan untuk meneroka salah satu daripada aspek bimbingan tersebut iaitu kaedah pengajaran solat di PUSBA. Ini kerana solat merupakan aspek yang kedua penting dalam membimbing muallaf selepas pengakuan

syahadah. Kajian ini penting untuk memahami proses bimbingan yang dilaksanakan oleh PUSBA dan sebagai pendorong kepada kajian yang lebih mendalam tentang kaedah pengajaran yang dilaksanakan.

## Tinjauan Literatur

Bimbingan solat yang dibincangkan dalam Fekah merupakan salah satu aspek penting yang amat ditekankan dalam ilmu Fardhu Ain. Menurut Nurul Syuhada, Fathiyah dan Asmawati (2016), tujuan utama pengajaran ibadah solat ialah untuk memupuk penghayatan ibadah menerusi pengetahuan serta pemahaman tentang peraturan dan disiplin ibadah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Solat merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah shahadah dan ia merupakan ibadat untuk merealisasikan makna penyerahan diri dan tunduk kepada Allah. Seseorang yang mengerjakan solat dianggap sebagai seorang yang beriman kepada Allah. Al-Quran telah menyatakan dengan jelas bahawa orang yang beriman itu ialah orang yang mengerjakan solat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*Iaitu orang yang beriman dengan perkara ghaib, menunaikan solat dan menafkahkan sebahagian rezki yang kami berikan kepada mereka. (al-Baqarah 2:3)*

Allah SWT juga telah mengancam golongan yang melalaikan solat serta mengingkarinya. Dinyatakan dalam Firman Allah SWT yang berbunyi:

*Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang yang solat. (iaitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan solatnya. (Surah al-Maun 107:4-5).*

Solat fardhu sangat penting dalam kehidupan muslim dan tidak boleh diabaikan atau ditinggalkan dengan sewenang-wenangnya. Ulama sepakat berpendapat, orang yang mengingkari kewajipan solat dihukumkan sebagai kafir. Bagaimanapun jika meninggalkannya disebabkan sifat malas tetapi masih mengakui kewajipannya, menurut Imam Malik dan Imam al-Syafie orang tersebut hanya dianggap fasiq (al-Shawkani, 1996). Sebagaimana sabda Rasulullah SAw yang bermaksud:

*janji yang mengikat antara kami dan mereka ialah solat, maka barangsiapa yang meninggalkan solat bererti dia telah kafir. (al-Syawkani, 1996 Kitab al-Salah, Bab Hujjah man kaffara tarik al-solah no hadith 402).*

Kepentingan ibadah ini juga digambarkan oleh Islam melalui arahan kepada ibu bapa supaya menyuruh anak-anak menunaikan solat seawal usia 7 tahun.

*Suruhlah anak-anak kamu mendirikan solat apabila mereka berumur tujuh tahun dan pukullah jika meninggalkannya apabila mereka berumur 10 tahun dan pisahkan tempat tidur mereka. (Abi Dawud, t.t.. Kitab Salah, bab Mata Yu'mar al-Ghulam al-Salah, no hadith 491.*

Hadith di atas menunjukkan solat lima waktu itu amat penting dan merupakan asas pendidikan Islam yang mesti ditunaikan seawal usia tujuh tahun. Muallaf perlu mempelajari bagaimana melaksanakan ibadah solat ini secara teori dan amali bagi mengukuhkan akidah mereka.

Berdasarkan kepada kepentingan ini, institusi dan organisasi dakwah yang bertanggungjawab membimbing muallaf telah menekankan aspek solat dalam pengajaran mereka. Antara institusi tersebut ialah Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA). PUSBA merupakan badan di bawah Majlis agama Islam Kedah yang bertanggungjawab melaksanakan program bimbingan kepada muallaf. PUSBA ditubuhkan atas cadangan satu jawatankuasa bagi

menangani gejala murtad dalam kalangan saudara baru. Cadangan bagi mewujudkan satu pusat khusus untuk memberi pendidikan tentang ajaran Islam kepada saudara baru telah disambut baik dan dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis Agama Islam. Dengan itu, tertubuhlah PUSBA pada 8 Mac 1998 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 1 April 1999. Objektif utama PUSBA ialah untuk memberi pendidikan dan kefahaman kepada muallaf mengenai asas-asas Islam dan memelihara akidah, syariah serta akhlak mereka. Seterusnya untuk menyekat dan membendung gejala murtad selepas mereka. Terdapat kajian di institusi dakwah, mendapati tidak terdapat satu kaedah atau garis panduan yang khusus untuk digunakan oleh tenaga pengajar saudara baru khususnya dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran menyebabkan kaedah pengajaran dan pembelajaran diserahkan sepenuhnya kepada tenaga pengajar (Mohd Zaid, 2010). Di samping itu, terdapat sesetengah tenaga pengajar yang tidak dapat menguasai kaedah pengajaran saudara baru dengan baik kerana tidak mempunyai kemahiran dalam bidang tersebut (Siti Fathimatul Zahrah & Nur A'thiroh, 2015). Kajian oleh Aidid & Zulkifli (2013) mendapati terdapat dalam kalangan muallaf yang masih tidak dapat menghafal Fatihah walaupun telah memeluk Islam selama lima tahun. Dalam satu kajian lain, dilaporkan bahawa terdapat muallaf yang tidak mendapat bimbingan yang sewajarnya menyebabkan mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang Islam dan tidak mengamalkan Islam menyebabkan mereka terdedah kepada gejala murtad (Faizal Arif, 2013).

## **Metodologi**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka proses pengajaran solat yang dilaksanakan oleh Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA) dalam mendidik dan melatih golongan muallaf. Melalui kajian ini, penyelidik menggunakan model penilaian CIPP (*Context, Input, Process, Product*) untuk menilai perlaksanaan kaedah pembelajaran dan amali solat yang dikendalikan oleh tenaga pengajar PUSBA. Kertas kerja ini hanya memfokuskan kepada penilaian proses iaitu meneroka proses pengajaran ibadah solat kepada muallaf secara bulanan dan mingguan. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan teknik pengumpulan data menggunakan temu bual bersemuka. Temu bual dijalankan bersama pengetua PUSBA dengan menggunakan Protokol temubual yang dibangunkan oleh penyelidik dan telah mendapat pengesahan dari pihak pakar. Khususnya, protokol temu bual berstruktur dipilih kerana ia sesuai digunakan untuk mendapatkan data secara terus dari responden kajian (Isa & Wahid, 2017) dan mampu mengutip data yang lebih kaya, bermakna dan mendalam (Wan Razali, 2015). Alat-alat teknikal yang digunakan dalam proses temubual ini adalah menggunakan alatan MP3. Data temubual telah diterjemah atau ditranskrip bagi mendapat maklumat yang lebih tepat. Proses penulisan transkripsi verbatim dilakukan dengan cara menulis semula perkataan demi perkataan hasil temu bual tersebut, sebagai rujukan jika timbul kekeliruan dalam proses transkripsi data. Analisis data adalah dalam bentuk tema di mana data yang diperolehi ini juga digunakan untuk mengkaji proses pengajaran ibadah solat.

## **Dapatan Kajian**

### **Bentuk Kelas Pengajian**

Analisis mendapati PUSBA melaksanakan program bimbingan berbentuk kelas pengajian Fardhu Ain secara bulanan dan mingguan. Kursus bulanan mengambil masa selama 4 bulan iaitu sesi Januari hingga April, sesi Mei hingga Ogos dan sesi September hingga Disember. Peserta yang lulus akan diberikan Sijil Asas Kefahaman Islam. Selalunya peserta akan mengikuti kursus di PUSBA selama tiga semester tanpa had umur peserta dan peluang terbuka kepada semua muallaf dari semua negeri di Malaysia. Silibus yang digunakan bagi program bimbingan asas kefahaman Islam dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah

merangkumi pengajian Tauhid, Fekah, tasawuf, Sirah Rasulullah s.a.w, pelajaran asas-asas Tilawah Al-Quran dan asas-asas Tulisan Jawi.

Kelas pengajian mingguan pula dibuka di tujuh daerah di Kedah, Sungai Petani, Baling, Kulim, Kubang Pasu, Pendang, Alor Star dan Langkawi. Pusat ini juga telah menyediakan kelas pengajian mingguan kepada muallaf yang tidak dapat mengikut kursus pengajian Islam bulan kerana berkerja, berkahwin atau komitmen.

#### ***Tidak Menggunakan Kaedah Pengajaran Yang Khusus***

Analisis mendapati tidak ada satu kaedah khusus yang digunakan dalam proses pengajaran sama ada dalam program bulanan atau mingguan. Pihak PUSBA tidak menetapkan kaedah khusus pengajaran, pembimbing bebas menggunakan kaedah tertentu yang dirasakan dapat membantu pelajar memahami topik yang diajar. Hal ini ditegaskan oleh informan (Mohd Nazri, 2019);

*“Dia macam-macam tahap la. Ada yang penceh dah. Pencen pengetua. Yang (tenaga pengajar) PPD pun kan. Depa memang ada kaedah teknik masing-masing la”*

*“Yang tu sebab pengurusan sini dia lantik guru-guru, mengajar la macam mana pun (terpulang bagaimana cara mengajar).”*

*“Pengajaran adalah berbentuk kelas pastu ada praktikal amali. Amali kita bagi contoh amali wuduk, amali solat, selepas itu bacaan doa-doa. Yang tu semua kena amali.”*

#### ***Kaedah Berbentuk Kuliah***

Kaedah kuliah adalah kaedah yang paling banyak dilaksanakan sesuai dengan pengajaran solat yang bersifat teori berkaitan dengan persediaan sebelum solat contohnya berkaitan bersuci, wuduk, semasa solat berkaitan rukun perkataan dan perbuatan dan selepas solat. Untuk kaedah kuliah ini guru menggunakan buku rujukan ‘Indahnya hidup bersyariat’ karangan Dato’ Ismail Kamus.

*Tu..Indahnya Hidup Bersyariat. Dulu pakai asas fardu ain yang bimbingan asas fardu ain tu. Pastu bincang-bincang staff kata kita guna buku Indahnya Hidup Bersyariat. Sebab dia ada gambar semua (Mohd Nazri, 2019).*

#### ***Kaedah Demostrasi***

Tenaga pengajar telah menggabungkan kaedah kuliah dengan demonstrasi semasa proses pengajaran solat. Setelah guru memberi penerangan melalui kaedah kuliah tentang aspek-aspek berkaitan solat guru kemudian akan menunjukkan demonstrasi bagaimana proses tersebut dilaksanakan. Demonstrasi ini juga dilakukan dengan merujuk ilustrasi dalam buku yang menjadi rujukan pengajaran mereka.

#### ***Kaedah Amali***

Kaedah amali adalah antara kaedah utama yang digunakan dalam pengajaran solat terutamanya berkaitan dengan aspek-aspek praktikal contoh cara berwudu’, pergerakkan solat dan sebutan serta bacaan doa yang berkaitan dengan solat. Walau bagaimanapun ia masih bergantung kepada kreativiti tenaga pengajar.

*Amali kita bagi contoh amali wuduk, amali solat, selepas itu bacaan doa-doa. Yang tu semua kena amali. Tapi, walau bagaimanapun atas inisiatif guru sendiri la (Mohd Nazri, 2019)*

Contohnya pengajar di Daerah Kulim dan Pendang yang telah melaksanakan kaedah amali melalui ujian amali contohnya kaedah berwuduk. Dan pelajar diberi markah bagi tahap yang mereka capai.

*Macam di Kulim depa ada ujian-ujian depa. Macam saya tengok di Pendang pun depa buat la program amali, tengok balik ambil air sembahyang depa bagi markah....*  
(Mohd Nazri, 2019)

### ***Amali Melalui Amalan Solat Berjemaah di Surau***

Salah satu kekuatan kepada pelatih yang mengikuti kursus pengajian berbentuk bulanan ialah mereka dapat melaksanakan amali solat melalui amalan solat secara berjemaah di surau PUSBA. Setiap pelatih dikehendaki menunaikan solat lima waktu di surau tersebut. Keadaan ini memberi kelebihan kepada para pelatih ini untuk melaksanakan solat dengan lebih sempurna dan menambahkan penghayatan mereka. Malah ada dalam kalangan pelatih yang mengikuti sesi kedua dan ketiga mampu untuk menjadi imam dalam kalangan mereka atau di kawasan luar PUSBA sama ada di surau atau masjid. Hal ini nyatakan oleh informan (Mohd Nazri, 2019)

*Sebahagian yang orang asli pun ustazah beritahu la orang perempuan tu dah boleh jadi imam. Yang jadi imam di surau tu kadang-kadang peserta sendiri. Biasa yang sesi kedua la. Sesi kedua sesi ketiga dah boleh naik jadi imam dah. Saya ingat tahun lepas kot saya jadi imam terawih di surau, masjid kan.*

*Kadang-kadang kita ada majlis, tak boleh nak pi. Bagi depa la pi ganti. Tapi, yang lama sungguh la. Yang sesi kedua ketiga. Kita tengok balik feedback orang Tanya macam mana jadi imam? Okey.*

### ***Kaedah Penilaian***

Kaedah ujian digunakan untuk menilai tahap pelajar dalam pengajaran solat. Kaedah ini digunakan untuk kedua-dua kursus pengajian berbentuk bulanan dan pengajian berbentuk mingguan. Pendekatan ujian ini dijalankan di kedua-dua program bimbingan. Namun Apa yang membezakannya ialah ujian bagi program bimbingan berbentuk bulanan ialah untuk menentukan pelajar layak untuk menamatkan pengajaran di peringkat tersebut. Dan menentukan kedudukan pelajar pada sesi yang seterusnya.

*“Satu sesi dia dapat sijil dah. Dia terima sijil asas la. Kita buat majlis..majlis penutup ada penyampaian sijil apa semua.”* (Mohd Nazri, 2019)

Manakala program bimbingan berbentuk mingguan pula pelaksanaan ujian dilaksanakan berdasarkan kepada tempoh pusat tersebut beroperasi. Pusat bimbingan yang sudah lama beroperasi contohnya di Sungai Petani pendekatan ujian boleh dilaksanakan untuk mengasingkan pelajar mengikut tahap mereka.

*Yang mingguan ni saya pun dok fikir juga. Nak buat macam tu...sebab peserta ni pun bukan sepenuh. Ada yang mai sebulan sekali. Cuma mungkin kita boleh...saya nampak yang mungkin kelas yang atas-atas sikit la. Sebab, yang di Sungai Petani ni sebab kita dah lama. Jadi, bila dah lama, yang pelajar baru tu kita asingkan la. Kita buat periksa kita ikut tahap depa. Jadi, yang mana dapat markah lebih tu, kita masukkan dalam satu kelas. Asing tiga kelas la. Tiga tahap. Mungkin yang kelas A tu boleh ikut (Mohd Nazri, 2019).*

Bentuk ujian yang dijalankan juga bergantung kepada tahap pelajar. Di mana terdapat ujian yang dijalankan dalam bentuk lisan bagi pelajar yang kurang mahir berbahasa Melayu atau buta huruf.

*Kita check rupanya di kalangan kita tu ramai orang asli. Sesi lepas ramai orang asli. Mungkin dia tau, dia faham soalan tu tapi nak jawab tu dia tak reti. Kenudian, ada yang buta huruf. Jadi, dia antara kaedah dia...macam saya pi di Pendang pun...dPendang pun ramai Siam. Kelas yang mingguan la kan. Saya survey dulu. Tanya boleh tulis, boleh baca. Tapi, ramai juga yang tak boleh nak tulis, tak boleh nak baca. Jadi, kita kena tukar kaedah ujian bertulis tu kepada ujian syafawi* (Mohd Nazri, 2019).

Selain ujian berkaitan teori, pengajaran solat juga menekankan ujian berbentuk amali. Walau bagaimanapun usaha ini tidak dilaksanakan di semua pusat bimbingan kerana ia bergantung kepada tenaga pengajar di pusat tersebut.

*Macam di Kulim depa ada ujian-ujian depa. Macam saya tengok di Pendang pun depa buat la program amali, tengok balik ambil air sembahyang depa bagi markah....* (Mohd Nazri, 2019)

### **Pengajaran Mengikut Tahap Dan Kemampuan Pelajar**

Proses pengajaran solat juga dilaksanakan mengikut tahap dan kemampuan pelajar. Untuk memastikan pengajaran yang disampaikan dapat difahami oleh pelajar. Informan menyatakan (Mohd Nazri, 2019)

*Sebab, yang di Sungai Petani ni sebab kita dah lama. Jadi, bila dah lama, yang pelajar baru tu kita asingkan la. Kita buat periksa kita ikut tahap depa. Jadi, yang mana dapat markah lebih tu, kita masukkan dalam satu kelas. Asing tiga kelas la. Tiga tahap.*

*Jadi, dia antara kaedah dia...macam saya pi di Pendang pun...di Pendang pun ramai Siam. Kelas yang mingguan la kan. Saya survey dulu. Tanya boleh tulis, boleh baca. Tapi, ramai juga yang tak boleh nak tulis, tak boleh nak baca. Jadi, kita kena tukar kaedah ujian bertulis tu kepada ujian syafawi.*

### **Perbincangan Hasil Dapatan Kajian**

Kaedah kuliah adalah pendekatan yang paling kerap digunakan dalam pengajaran solat. Hasil dapatan ini selaras dengan dapatan Tengku Sarina Aini & Faridah (2008) yang mendapati kaedah ini digunakan dalam pengajaran ibadah solat bagi menerangkan tentang rukun-rukun solat. Dapatkan ini juga sama dengan kajian Nurul Syuhada, Fathiyah dan Asmawati (2016), bahawa pendekatan kuliah dapat memberi penjelasan yang mendalam tentang tajuk yang ingin disampaikan dan memudahkan murid dalam memahami isi pengajaran guru yang bersifat sehala. Menurut Kamarul, Noratikah dan Mohd Faiz (2012), walaupun kadang-kadang pelajar akan merasa bosan dengan kaedah ini tetapi jika ia disusun dengan baik dan disampaikan dengan baik ia akan menjadi pengajaran yang berkesan

Al Syaibani (1997) menyatakan beberapa prinsip ke arah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ialah untuk memastikan motivasi, keperluan dan minat pelajar, memastikan tujuan belajar, mengetahui tahap kematangan pelajar untuk belajar, mengetahui perbezaan-perbezaan individu di antara pelajar, menyediakan peluang pengalaman praktikal, memerhatikan kefahaman dan mengetahui hubungan-hubungan, integrasi pengalaman dan kelanjutannya, keaslian, pembaharuan dan kebebasan berfikir dan menjadikan proses pendidikan itu sebagai pengalaman yang menggembirakan bagi pelajar.

Pemilihan kaedah ini selaras dengan kajian Ahmad (2011) bahawa kaedah demonstrasi ialah pengajaran secara praktikal dan sangat sesuai digunakan oleh guru untuk menunjukkan cara melaksanakan ibadah solat dengan betul (Ahmad Mohd Salleh, 2011). Kaedah ini dilakukan di hadapan murid secara langsung terhadap sesuatu objek, proses serta membuat kesimpulan (Ghazali Darusalam, 2004). Objek tersebut ditunjukkan langkah demi langkah secara terus (Esah Sulaiman, 2004). Sebagai contoh, Rasulullah s.a.w mengajar teori terlebih dahulu dan selepas itu baginda menunjukkan cara di hadapan khalayak ramai supaya mereka dapat meniru pembelajaran yang telah diajar itu (Ahmad Mohd Salleh, 2011).

Pengajaran secara amali yang dilaksanakan adalah salah satu kaedah yang sesuai untuk pengajaran solat. Perkara ini turut disokong oleh (Rusiah, 2006) bahawa pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru secara amali dengan penglibatan pelatih secara menyeluruh dapat memberi keseronokan, kepuasan dan pengalaman baru. Hal ini sudah pasti memberi kesan yang efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Janzarli (1991) juga menyatakan pandangan yang sama iaitu keselarasan antara teori dan amali dalam proses *ta'lim* menyatakan bahawa segala ilmu yang diperolehi perlu diperaktikkan.

Pelaksanaan pendekatan yang mengambil kira tahap pelatih juga membantu untuk menjamin keberkesanan teknik pengajaran. Kajian oleh Al Syaibani (1997), bahawa antara prinsip keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ialah mengetahui tahap kematangan pelajar untuk belajar, mengetahui perbezaan-perbezaan pelajar dan menyediakan peluang pengalaman praktikal.

## Kesimpulan

Analisis awal mendapati walaupun setiap tenaga pengajar mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam proses pengajaran solat, namun kaedah yang hampir serupa digunakan. Kaedah-kaedah yang dikenal pasti dilaksanakan oleh tenaga pengajar bagi program bimbingan berbentuk bulanan dan mingguan berbentuk kuliah, demonstrasi, amali, ujian dan pengajaran mengikut tahap pelajar. Kajian ini mencadangkan kajian yang lebih mendalam dilaksanakan bagi menganalisis secara terperinci pelaksanaan proses pengajaran solat dalam kalangan pelatih PUSBA.

## Penghargaan

Kertas kerja ini adalah sebahagian dari hasil penyelidikan di bawah Geran Institute of Zakat Research and Innovation (IPIZ) sumbangan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) bertajuk KEBERKESANAN PROGRAM BANTUAN MUALLAF DI PUSAT BIMBINGAN DAN LATIHAN SAUDARA BARU (PUSBA) Kod S/O 14277

## Rujukan

- Abdul Halim El-Muhammady. (1984). Pendidikan Islam: Skop dan Matlamatnya”, *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil 1. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Ahmad Mohd Salleh. (2011). *Kurikulum, metodologi dan pedagogi Pengajaran Islam*. Edisi Kedua KPLI Pengajaran Islam & j-QAF. Shah Alam, Malaysia: Oxford Fajar
- Ahmad Syaibani, (1997). *Falsafah Pendidikan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Audit Ghazali & Zulkifli Abdul Hamid. (2013). *Kajian Berkaitan Kepuasan Responden Terhadap Program Bantuan Kepada Mualaf di Negeri Selangor*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pembangunan Mualaf 2013 (ICMuD 2013). Diakses [http://www.ukm.my/hadhari/wpcontent/uploads/2014/09/ICMuD2013\\_Proceeding.pdf](http://www.ukm.my/hadhari/wpcontent/uploads/2014/09/ICMuD2013_Proceeding.pdf)
- Esah Sulaiman. (2004). *Pengenalan pedagogi*. Skudai, Malaysia: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Ghazali Darusalam. (2004). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan.
- Al-Janzarli. (1991). *Al-usul al-Islamiah Li al-tarbiah*. Makkah: Ummul Qurra University Press.
- Isa, M., and Wahid, H. (2017). *Peranan Institusi Pengajian Tinggi dalam Pembangunan Pendidikan Asnaf Mualaf: Kajian Kes Kolej Dar al-Hikmah*.
- Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim & Mohd Faeez Ilias. (2012). Gaya Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam* (SEAPPI2012). <https://www.researchgate.net/publication/293097722>. Retrive 13 Nov 2019
- Mohd Nazri Bakar. (2019). *Pelaksanaan Kelas Bimbingan PUSBA*. Temu bual. Sungai Petani: PUSBA. 13 Februari.
- Nurul Syuhada Johari, Fathiyah Mohd Fakhruddin dan Asmawati Suhid. 2016. Pendekatan dan kaedah pengajaran ibadah solat guru pendidikan Islam menurut perspektif murid. *Online Journal of Islamic Education*, October 2016, Vol. 4, Issue 2
- Muhammad Ibn Ali Ibn Muhammad al-Shawkani. (t.t.). *Nayl al-Awtar*, Juz 1. Mesir: Matba'ah Mustafa al-Bab al-Halibi
- Rusiah Saad. (2006). *Surau Sekolah Sebagai Wadah Pendidikan*. Tesis Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Fathimatul Zahrah dan A'athiroh Masyaa'il Tan. (2015). Pengajaran Pendidikan Islam terhadap muallaf: Satu tinjauan literatur. Dalam *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah*. Fakulti Pengajian Islam UKM Bangi: Selangor
- Wan Razali, W. M. F. A. (2015). Persepsi Mualaf Terhadap Pengisian Pengislaman Dan Program Pembangunan Mualaf Kajian Di Negeri Sembilan. *Journal of Fatwa Management and Research* Universiti Sains Islam Malaysia: World Fatwa Management and Research Institute (INFAD). Vol 6 No 1 2015